

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT MALAYSIA

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

**DARIPADA : DATO' KAMARUDIN BIN JAFFAR
[TUMPAT]**

TARIKH : 15 JUN 2015

**SOALAN : Dato' Kamarudin bin Jaffar [Tumpat] minta
MENTERI LUAR NEGERI menyatakan
adakah Kerajaan berhasrat untuk
mencadangkan kepada OIC untuk
mewujudkan badan seperti Majlis
Keselamatan PBB memandangkan begitu
banyak masalah keganasan dan peperangan
yang berlaku sekarang di dalam dan di antara
negara-negara anggota OIC.**

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Izinkan saya untuk menjawab pertanyaan dari YB Tumpat berkenaan sama ada Kerajaan berhasrat untuk mencadangkan kepada Pertubuhan OIC untuk mewujudkan satu badan seperti Majlis Keselamatan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB).

Tuan Yang di-Pertua,

2. Untuk makluman YB Tumpat dan Dewan yang mulia ini, Piagam OIC yang telah diterima pakai sejak tahun 1974 dan diperbaharui pada tahun 2008, tidak terdapat sebarang peruntukan yang membolehkan pertubuhan tersebut menubuhkan satu badan yang boleh bertindak seperti Majlis Keselamatan PBB.

3. Walau bagaimanapun, Piagam OIC sedia ada menggesa agar Pertubuhan OIC dan negara-negara anggotanya mengadakan perbincangan untuk mencari kata sepakat mengenai tindakan yang perlu dilaksanakan dalam menangani konflik dan permasalahan yang melanda negara-negara anggota OIC dan komuniti Muslim di negara-negara bukan Islam. Untuk

makluman, Pertubuhan tersebut diwujudkan tanpa mandat untuk melaksanakan penguatkuasaan terhadap negara-negara anggotanya yang berdepan dengan masalah sebagaimana di Majlis Keselamatan PBB.

4. Kerajaan turut berpandangan bahawa Majlis Keselamatan PBB yang turut dianggotai oleh Malaysia pada masa ini adalah memadai. Ini adalah kerana badan tersebut akan mengadakan perbincangan untuk mengambil tindakan yang perlu bagi menangani isu-isu global yang dihadapi, bukan sahaja oleh negara-negara Islam, tetapi juga semua negara anggota PBB yang lain. Sekiranya Kerajaan mengemukakan cadangan penubuhan badan yang serupa fungsinya dengan Majlis Keselamatan PBB di OIC, maka, tugas, tanggungjawab dan mandat Pertubuhan tersebut akan bertindih dengan Majlis Keselamatan PBB. Ini pastinya akan menimbulkan konflik di kalangan masyarakat antarabangsa mengenai skop penguatkuasaan kedua-dua badan tersebut; di samping akan menyukarkan koordinasi bagi memastikan keputusan kedua-dua badan tersebut terhadap sesuatu isu itu adalah selari dan diterima oleh semua pihak.

5. Untuk makluman, Pertubuhan OIC telah mewujudkan Kumpulan-kumpulan Perhubungan di peringkat Menteri-Menteri Luar Negeri OIC bagi tujuan mencari jalan penyelesaian kepada isu-isu khusus yang melanda negara-negara Islam dan komuniti Islam di negara-negara bukan OIC.

Antaranya adalah Kumpulan Perhubungan untuk isu Palestin, Masyarakat Islam Rohingya di Myanmar, Mali, Somalia, Sierra Leone, Jammu Kashmir, dan Bosnia dan Herzegovina. Kumpulan-kumpulan Perhubungan ini adalah memadai buat masa sekarang kerana ia memberi fokus terhadap pelan tindakan strategik untuk OIC dan negara-negara anggotanya membantu negara-negara Islam dan komuniti Islam yang berdepan dengan permasalahan tertentu.

Tuan Yang di-Pertua,

6. Kerajaan berpandangan bahawa, sebagai sebuah pertubuhan dunia kedua terbesar selepas PBB, inisiatif-inisiatif yang diambil oleh Pertubuhan OIC dan negara-negara anggotanya, termasuk Malaysia, untuk mengukuhkan lagi pertubuhan tersebut adalah sangat penting dan amat dialu-alukan. Ini terutamanya, dalam menjalinkan kerjasama yang lebih rapat di antara Pertubuhan OIC dengan PBB dalam menangani isu-isu berkepentingan kepada negara-negara Islam dan komuniti Islam; dan peranan berterusan Pertubuhan OIC dalam menyokong keputusan-keputusan yang diambil oleh PBB bagi memastikan kesejahteraan dan pembangunan berterusan masyarakat Islam di seluruh dunia.

Sekian, terima kasih.